

**Amalan Pembelajaran *Hifz al-Quran* Pelajar Tahfiz  
Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah  
Kebangsaan Agama di Malaysia**

***The Learning Practice of Hifz al-Qur'an among Tahfiz  
Model Ulul Albab (TMUA) Students at National Religious  
Secondary School in Malaysia***

Siti Khadizah Kaimin (Corresponding Author)

Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam. Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.  
skdz\_diez82@yahoo.com.my

Ahmad Yussuf

Jabatan Sejarah, Tamadun dan Pendidikan Islam. Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.  
amdysf@um.edu.my

Mohd Yakub & Zulkifli Mohd Yusoff

Jabatan Al-Quran and Al-Hadith. Akademi Pengajian Islam  
Universiti Malaya. 50603 Kuala Lumpur. Malaysia.  
zulkifliy@um.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol53no1.5>

**Abstract**

The objective of my research is to study and explore student practice *Hifz al-Quran* to learn Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) at National Religious Secondary School in Malaysia. The learning practice of *Hifz al-Quran* of TMUA students was studied from four aspects such as beginning of learning, during learning, closing learning and use learning materials. 350 students from 4 high school from the Nasional Religion under the Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) program were involved. The survey design benefit quantitative approach that use a descriptive method. Referring to the previous studies and content verified by the experts, the questionnaire instrument was created by author. The quantitative data from the questionnaire had been analyzed by descriptively using statistical package for social sciences (SPSS) version 28 to receive repetition, percentage, minutes and standard deviation. As a result of the research that the learning practices of TMUA students from the beginning aspects of learning and during learning is a high level, whereas the closing of learning carry out 89.7 percent (314), min 4.41 is a very high level. However, the aspects of learning method is in min 2.52 which is at lower level. The reason use of laptop, LCD Smart phone, al-

Quran CD and audio al-Quran is smaller amount in practice learning *Hifz al-Quran*. In the learning al-Quran should be developed with several learning methods together with the technological advance in this stage, so that the increase in domination of *Hifz al-Quran* can maximized to the student and more interested in learning al-Quran at school. In the event of this study, it is expected to contribute to the success of Tahfiz learning in improve students *Hifz al-Quran* achievement.

**Keywords:** learning practices; *hifz al-Quran*; beginning of learning; during learning; closing of learning; use of learning aids

### Abstrak

Kajian ini bertujuan mengkaji dan menerokai amalan pembelajaran *Hifz al-Quran* pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia. Amalan pembelajaran *Hifz al-Quran* pelajar TMUA ini dikaji daripada empat aspek iaitu permulaan pembelajaran, semasa pembelajaran, penutup pembelajaran dan penggunaan bahan bantu belajar. Kajian ini melibatkan 350 pelajar Tingkatan 4 Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di bawah program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Reka bentuk kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif yang menggunakan kaedah deskriptif. Instrumen soal selidik telah dibina sendiri oleh penulis dengan merujuk kajian lepas dan disahkan kandungannya oleh panel pakar. Data kuantitatif daripada soal selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan Statistical Package for Social Sciences (SPSS) version 28 untuk mendapatkan kekerapan, peratus, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan pembelajaran pelajar TMUA daripada aspek permulaan pembelajaran dan semasa pembelajaran berada pada tahap tinggi, manakala penutup pembelajaran mencatatkan 89.7 peratus (314), min 4.41 berada pada tahap sangat tinggi. Walau bagaimanapun, aspek penggunaan bahan bantu belajar berada pada min 2.52 iaitu berada pada tahap rendah. Hal ini menunjukkan penggunaan laptop, LCD, telefon pintar (Smart Phone), CD al-Quran dan audio al-Quran kurang dipraktikkan dalam pembelajaran *Hifz al-Quran*. Pembelajaran al-Quran seharusnya dikembangkan dengan pelbagai kaedah pembelajaran seiring kemajuan teknologi masa kini agar peningkatan penguasaan *Hifz al-Quran* dapat dimaksimumkan, seterusnya pelajar akan semakin minat kepada pembelajaran al-Quran di sekolah. Hasil kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada keberhasilan pembelajaran tahfiz dalam meningkatkan pencapaian *Hifz al-Quran* pelajar.

**Kata Kunci:** amalan pembelajaran; *Hifz al-Quran*; permulaan pembelajaran, semasa pembelajaran, penutup pembelajaran, penggunaan bahan bantu belajar.

## Pendahuluan

Pembelajaran al-Quran di sekolah menjadi aspek yang penting kepada proses pembentukan generasi al-Quran yang bukan sahaja tahu membaca tetapi ianya dapat memperkenalkan pelajar kepada Allah swt. Menurut al-Badri (1982) pembelajaran al-Quran bukan sekadar membaca sahaja tetapi merangkumi kefahaman, hafazan dan penghayatan. Al-Quran merupakan Kalam Allah yang mulia menjadi panduan hidup umat Islam sepanjang hayat. Sebagaimana firman Allah SWT dalam Surah al-Jathiyah ayat 20:

هَذَا بَصِيرَةٌ لِلنَّاسِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِّلْقَوْمِ يُوقِنُونَ

Terjemahan: Al-Quran ini menjadi panduan-panduan yang membuka mata hati manusia dan menjadi hidayah petunjuk serta membawa rahmat bagi kaum yang meyakini (kebenarannya).

Amalan membaca, mentaddabur dan mengamalkan isi kandungan al-Quran menjadikan seseorang mendapat petunjuk dan hati menjadi lapang. Al-Nawawi menyebutkan bahawa apabila seseorang membaca ayat al-Quran, maka hendaklah dia membaca dengan khusyuk dan mentadabbur maknanya kerana ia suatu perkara yang dituntut dan merupakan tujuan al-Quran diturunkan.<sup>1</sup> Manakala, matlamat pendidikan al-Quran menurut al-Qabisi adalah untuk mengenal agama dan membentuk akhlak peribadi Muslim.<sup>2</sup>

Di Malaysia pendidikan al-Quran semakin berkembang khususnya di Kementerian Pendidikan Malaysia usaha memperkasa pendidikan tahfiz diperkukuhkan dengan

---

<sup>1</sup> Wan Ahmad Naqiuddin, "Irsyad Fatwa Edisi Khas Ramadhan Siri Ke-218," laman sesawang *Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan*, diakses 20 Feb 2024, <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi-ramadhan/5578-manakah-yang-lebih-utama-mengkhatamkan-al-quran-atau-membacanya-dengan-tartil-dan-tadabbur>.

<sup>2</sup> Imam, Abdul H., "Pemikiran Pengajaran dan Pendidikan Anak Menurut al-Qabisi," *Misykah: Jurnal Pendidikan dan Studi Islam* 6.1 (2021), 1–12.

mewujudkan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Kurikulum ini dilaksanakan di peringkat sekolah menengah kebangsaan Agama dibawah Program Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Pelaksanaan kurikulum Ulul Albab ini menekankan elemen utama iaitu quranik, ensiklopedik dan ijhtihadik adalah ke arah misi membentuk sahsiah pelajar melalui pembudayaan al-Quran. Menghafaz al-Quran (Hifz al-Quran) merupakan subjek teras dalam pembelajaran pelajar TMUA. Pelajar dikehendaki menghafaz 30 juzuk berdasarkan sukatan tertentu mengikut tingkatan masing-masing serta memahami makna ayat al-Quran yang dihafaz.<sup>3</sup>

Amalan pembelajaran *Hifz al-Quran* dalam kalangan pelajar tahfiz amat penting bagi membantu mencapai tahap pencapaian hafazan sekaligus meningkatkan minat dan motivasi pelajar dalam menghafaz al-Quran. Beberapa kaedah pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan pada permulaan pembelajaran, semasa pembelajaran, penutup pembelajaran dan penggunaan bahan bantu belajar dalam pembelajaran *Hifz al-Quran*. Aktiviti pembelajaran yang menarik mampu merangsang minda dan pelajar tidak akan bosan sepanjang PdP dilaksanakan. Di samping penglibatan secara aktif pelajar dalam belajar, guru tahfiz juga memainkan peranan penting dalam melaksanakan aktiviti pembelajaran yang berkesan. Guru yang mempelbagaikan kaedah pengajaran mereka di dalam kelas secara kreatif akan menghasilkan pembentukan modal insan yang sempurna<sup>4</sup>.

### **Pembelajaran *Hifz al-Quran***

Bidang pendidikan tahfiz di Malaysia mendapat perhatian daripada pelbagai pihak dan terkini usaha berterusan kerajaan dalam memastikan institusi pendidikan tahfiz al-Quran di Negara ini terus subur dan diperkasakan, maka Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) sedang merangka suatu dasar yang dinamakan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara (DPTN). Pendidikan agama adalah salah satu aspek penting yang diutamakan dalam sistem

---

<sup>3</sup> Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah & Rabi'atul Athirah Muhammad Isa, "Sejarah dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur," *Jurnal Darul Quran* 24 (2020), 145–169.

<sup>4</sup> Siti Fairuz Mahmud & Ab. Halim Tamuri, "Pendekatan Gamifikasi dalam Pembelajaran Pendidikan Islam," *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 9.1 (2023), 105–116.

pendidikan Negara. Kerajaan amat mengambil berat mengenai perkembangan pendidikan tahfiz bagi melahirkan generasi yang seimbang dari segi ilmu duniawi dan ukhrawi (akhirat). Beberapa isu telah menjadi perhatian pihak kerajaan terutamanya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hashim dan Tamuri<sup>5</sup> menyatakan di Malaysia, masih terdapat beberapa kelemahan dalam sistem pembelajaran tahfiz al-Quran yang perlu penambahbaikan dan pembinaan. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa kelemahan dalam amalan kaedah pembelajaran tahfiz yang perlu diperhalusi secara mendalam agar langkah penyelesaian dapat diatasi dengan segera. Proses pembelajaran merupakan aspek asas yang sangat penting kerana ia dilihat sebagai faktor utama untuk mencapai pendidikan yang berkualiti bagi melahirkan pelajar yang cemerlang.<sup>6</sup> Menurut Muhd Zulhilmi Haron et. al<sup>7</sup> aspek memaksimumkan keupayaan berfikir, memberikan pandangan dalam menyelesaikan masalah serta kebolehan berfikiran kreatif kurang diberikan penekanan semasa Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) mata pelajaran *Hifz al-Quran* dan *Maharat al-Quran*. Sabariah et. al<sup>8</sup> dalam kajian pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kota Kinabalu, Sabah turut mendapati sesetengah murid di negeri Sabah masih menghadapi masalah membaca al-Quran dengan fasih dan lancar. Sokongan guru dalam pembelajaran merujuk kepada kepakaran guru itu sendiri dalam disiplin ilmu, kepekaan guru dengan pencapaian dan kemampuan murid serta kemahiran guru dalam pengajaran dan keikhlasan mereka mendidik.<sup>9</sup> Peranan guru dalam

---

<sup>5</sup> Azmil Hasim & Ab. Halim Tamuri, "Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia," *Journal of Islamic and Arabic Education* 4.2 (2012), 1–10.

<sup>6</sup> Asmawati Suhit & Abdul Rahman Md. Arof, "Kepentingan Persepsi Guru dalam Kurikulum Adab dan Akhlak Islam (AAI)," *Jurnal Pendidikan* (2007), 211–233.

<sup>7</sup> Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang, "Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia," *Practitioner Research* 1 (2019), 289–316.

<sup>8</sup> Sabariah Bahrin et al., "Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di SMKA Kota Kinabalu, Sabah," dalam *Prosiding Kolokium Aktiviti Kesarjanaan 2020* (Jilid 1–2) (2020).

<sup>9</sup> Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom, "Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim Kg. Tengah Kluang," kertas kerja dibentangkan dalam *Simpodium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa, Darul Quran JAKIM, Bangi, 2016*.

melaksanakan kaedah pengajaran berkesan dan sistematik dapat memberi impak yang terbaik kepada pelajar untuk menguasai pembelajaran. Pengajaran yang berstruktur merangkumi aspek pendekatan, kaedah pengajaran, alat bantu mengajar, pentaksiran dan lain-lain perkara melibatkan prosedur pengajaran perlu dititikberatkan agar pelajar dapat mencapai hasil yang memberangsangkan.<sup>10</sup>

Usaha memperkasakan pendidikan tahfiz dilaksanakan secara terancang dan pihak KPM mengambil serius tentang kemenjadian pelajar hasil Program TMUA yang telah dilaksanakan. Sejauhmana keberhasilan pelaksanaan pembelajaran tersebut adalah bergantung kepada pelaksana kurikulum di peringkat sekolah. Tinjauan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Negeri Perlis menyatakan keciciran hafazan secara terkumpul menjadi satu implikasi besar terhadap pencapaian dan prestasi murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia.<sup>11</sup> Masalah ini jelas kelihatan apabila murid tingkatan tiga yang belum menguasai hafazan berdasarkan sukatan yang ditetapkan di juzuk 9-18 memasuki tingkatan empat yang perlu menghafaz di juzuk 19-25 sebagaimana yang termaktub dalam sukatan. Hanya 30 orang murid (5.13%) daripada 584 orang murid TMUA telah berjaya menghafaz 30 juzuk al-Quran dan sejumlah 70 orang murid (48.60%) belum menguasai sukatan hafazan yang ditetapkan semasa mereka di tingkatan tiga dan terus meninggalkan juzuk yang berbaki kerana terpaksa menghafaz sukatan baru bermula daripada juzuk 19-25 di tingkatan empat.<sup>12</sup>

Siti Norjanah Mastor Mustafa turut menyatakan terdapat keciciran hafazan murid akan menyebabkan mereka gagal menghabiskan sukatan hafazan sebanyak 30 juzuk sepanjang pengajian selama lima tahun di sekolah menengah.<sup>13</sup> Dalam kajiannya masih terdapat murid berada di bawah sukatan hafazan. Ini bermakna murid tidak mencapai sukatan hafazan

---

<sup>10</sup> Mohamad Marzuqi Abdul Rahim et al., "Amalan Pengajaran Pensyarah Tahfiz al-Quran di Malaysia," *Journal of Islamic Educational Research* 1 (2016): 11–20.

<sup>11</sup> Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti, *JNJK Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan TMUA* (Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

<sup>12</sup> Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti, *JNJK Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan TMUA*.

<sup>13</sup> Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Jimaain Safar, "Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.1 (2021), 9–21.

yang ditetapkan pada tahun semasa. Analisis data pencapaian hafazan murid TMUA negeri Johor tahun 2019 yang berada di bawah sukatan hafazan mendapati 19 orang murid (11%) tingkatan satu, bagi pelajar tingkatan dua pula, terdapat 48 orang murid (30.3%), manakala pelajar tingkatan tiga, 27 orang murid (16.9%) di bawah sukatan hafazan. Seterusnya bagi pelajar tingkatan empat, terdapat 17 orang murid (10.1%) dan bagi pelajar tingkatan lima pula, terdapat 28 orang murid (16.4%) di bawah sukatan hafazan. Kajian Wan Ahmad Zakry et.al menunjukkan 46.1% daripada 2,438 pelajar tidak berjaya mencapai sasaran hafazan sekurang-kurangnya 20 juzuk al-Quran bagi tempoh tahun 2010 hingga 2015 di Sekolah Imtiaz Terengganu.<sup>14</sup> Hal ini menunjukkan pelajar tidak menguasai sukatan pelajaran hafazan yang ditetapkan dalam tahun semasa. Kelemahan ini perlu diambil serius kerana akan menyebabkan sukatan hafazan terkumpul setiap tahun. Keadaan ini menyebabkan keciciran hafazan murid terkumpul dan bertambah saban tahun dan memberikan implikasi kepada pencapaian objektif TMUA yang memerlukan murid untuk menghafaz 30 juzuk al-Quran.<sup>15</sup>

Mohd Jamalil Ismail et. al menyatakan pelaksanaan strategi pembelajaran tahfiz masih mempunyai kekurangan dan kelemahan yang perlu diperbaiki.<sup>16</sup> Aspek penting yang mempunyai perkaitan dengan kecemerlangan hafalan al-Quran adalah seperti peraturan, disiplin, tenaga pengajar dan adab menghafaz semestinya diberi perhatian. Ini kerana, kemerosotan pencapaian pelajar akan memberi impak kepada pendidikan tahfiz yang sangat dipandang tinggi oleh masyarakat. Menurut Mohamad Marzuqi Abdul Rahim et.al, dapatan kajiannya menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan pada tahap yang sangat kukuh antara perancangan PdP tahfiz dengan penguasaan

---

<sup>14</sup> Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Azman Che Mat, "Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz," *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.1 (2021), 105–126.

<sup>15</sup> Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang, "Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia," *Practitioner Research* 1 (2019), 289–316.

<sup>16</sup> Mohd Jamalil Ismail et al., "Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran: Satu Tinjauan Literatur," *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017), 55–65.

hafazan pelajar.<sup>17</sup> Ini menunjukkan semakin baik perancangan guru tahfiz di dalam kelas hafazan, maka semakin tinggi tahap penguasaan hafazan pelajar. Penghasilan huffaz yang cemerlang bukan sahaja dari segi akademik, malah sahsiah yang mulia mampu mengangkat nama dan martabat institusi pendidikan tahfiz di Negara ini. Maka, usaha ke arah menjadikan institusi Tahfiz berkualiti dan berdaya saing di peringkat global, kajian menyeluruh perlu dilaksanakan dan dikembangkan lagi secara berterusan demi memantapkan institusi tahfiz di Negara ini.

### **Metodologi Penulisan**

Reka bentuk penulisan ini melibatkan kajian deskriptif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Ia adalah bersesuaian untuk menjelaskan sesuatu fenomena yang berlaku. Menurut Creswell, kajian tinjauan merupakan kaedah mendapatkan maklumat dalam bentuk pendapat, sikap dan persepsi sesuatu populasi daripada respons individu yang dijadikan sampel.<sup>18</sup> Analisis deskriptif bagi mendapatkan nilai min, frekuensi, peratusan dan sisihan piawai.

Dalam kajian ini populasi yang terlibat ialah pelajar Tahfiz Model Ulul Albab yang mengikuti pembelajaran Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Kesemua populasi terlibat diambil daripada 15 buah sekolah yang mewakili lima zon Malaysia iaitu Zon Timur, Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan dan Zon Malaysia Timur Sabah dan Sarawak. Jumlah populasi kajian adalah seramai N=1925 yang melibatkan 15 buah sekolah berdasarkan 15 buah negeri. Ini bererti setiap sekolah sama ada Sekolah Menengah Kebangsaan Agama dan Sekolah Berasrama Penuh akan mewakili sesebuah negeri. Saiz sampel kajian yang ditetapkan dalam kajian ini adalah berdasarkan jadual penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan menyenaraikan saiz sampel yang berpadanan dengan saiz populasi kajian.<sup>19</sup> Melalui jadual saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan, jika jumlah populasi kajian n=1925, maka saiz sampel yang terhampir adalah sebanyak n=320

---

<sup>17</sup> Mohamad Marzuqi Abdul Rahim et al., "Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran dan Penguasaan Hafazan Al-Quran Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz," *Jurnal Qiraat* 4.1 (2021), 1–13.

<sup>18</sup> John W. Creswell, *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches* (London: Sage, 2005).

<sup>19</sup> R. V. Krejcie & D. W. Morgan, "Determining Sample Size for Research Activities," *Educational and Psychological Measurement* 30 (1970), 607–610.



yang melihatkan pelajar Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia.<sup>20</sup> Responden kajian ini dipilih secara teknik persampelan rawak mudah. Setelah dibuat persampelan, sekolah yang terlibat adalah SMKA Tok Bachok Kelantan, SMKA Arau Perlis, SBP Integrasi Rawang Selangor, SMKA Syeikh Hj Othman Abd Wahab Sarawak dan SMKA Pedas Negeri Sembilan. Sampel kajian atau responden yang telah dapat dikumpulkan adalah seramai n=364, setelah dibuat pembersihan data dan penyingkiran data-data terpinggir atau *outliers*, maka baki sampel adalah n=352, maka penulis telah mengambil saiz sampel kajian sebenar dengan membuat penggenapan sebanyak n=350.

Dalam menjalankan kajian ini, instrumen yang digunakan adalah dalam bentuk soal selidik. Menurut Mohd Majid Konting dengan penggunaan instrumen soal selidik, responden lebih mudah dan berani untuk memberikan respon terhadap aspek yang dikaji<sup>21</sup>. Penulis telah menyediakan borang soal selidik yang telah direka bentuk berdasarkan kepada kajian lepas . Soal selidik yang digunakan diadaptasi daripada kajian oleh penyelidik lepas yang relevan dengan kajian ini. Adaptasi instrumen kajian dapat dirujuk daripada sumber yang ditunjukkan dalam jadual 1.0 berikut:

Jadual 1.0 : Sumber rujukan Adaptasi Instrumen Kajian

Bahagian	Konstruk	Sub Konstruk	Sumber Rujukan
A	Demografi	- Jantina - Jenis sekolah - Tahap Hafazan (Hifz al-Quran)	Mohd Aderi Che (2008); Noh (2008); Misnan Jemali (2008); Sri Andayani Mahdi Yusuf (2019); Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Hifz al-Quran, KPM (2017)

<sup>20</sup> R. V. Krejcie & D. W. Morgan, "Determining Sample Size for Research Activities," *Educational and Psychological Measurement* 30 (1970), 607–610.

<sup>21</sup> Mohd Majid Konting, *Kaedah Penyelidikan Pendidikan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990).

B	Amalan Pengajaran <i>Hifz al-Quran</i> dan <i>Maharat al-Quran</i>	- Permulaan pembelajaran - Semasa pembelajaran - Penutup pembelajaran - Penggunaan Bahan Bantu Mengajar (BBM)	al-Qabisi (1955); Sri Andayani (2019); Mohd Aderi (2008); Mohamad Raffie Ghalil Abbas (2017); Mohd Aderi Che Noh & Rohani Ahmad Tarmizi (2009); Sri Andayani Mahdi Yusuf (2019); Mohamad Marzuqi Abdul Rahim (2019).
---	--	--	--


Instrumen yang digunakan perlulah telah memenuhi aspek kesahan dan kebolehpercayaan.<sup>22</sup> Sebelum sesuatu instrumen itu digunakan dalam sesuatu kajian, pengkaji terlebih dahulu memastikan instrumen itu mempunyai kesahan dan kebolehpercayaan. Menurut Ghazali & Sufean, kesahan dan kebolehpercayaan instrumen sangat penting untuk mempertahankan kejituan instrumen daripada mudah terdedah kepada kecacatan.<sup>23</sup> Semakin tinggi nilai kesahan dan kebolehpercayaan instrumen, maka semakin jitu data-data yang diperoleh, seterusnya akan menghasilkan kajian yang berkualiti tinggi. Secara ringkasnya proses sebelum sesuatu instrumen dapat digunakan dalam sesuatu kajian itu dapat diperhatikan melalui rajah 1.0 yang berikut:

---

<sup>22</sup> M. J. Sanchez-Franco dan J. L. Roldán, "Expressive Aesthetics to Ease Perceived Community Support: Exploring Personal Innovativeness and Routinised Behaviour as Moderators in Tuenti," *Computers in Human Behavior* 26 (2010), 1445–1457, <https://doi.org/10.1016/j.chb.2010.04.023>.

<sup>23</sup> Ghazali Darusalam & Sufean Hussin, *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian*, ed. ke-3 (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2021).

Rajah 1.0: Prosedur Ujian Rintis



Proses pengumpulan data telah dilakukan oleh pengkaji dengan mengambil beberapa langkah untuk mendapatkan data iaitu menghubungi pihak sekolah menengah kebangsaan agama yang terlibat. Pengumpulan data dalam kajian ini diambil menggunakan soal selidik. Pengkaji menyebarkan borang soal selidik melalui *google form* dan kemudiannya dikumpul selepas semua responden siap menjawab dan borang soal selidik disemak untuk memastikan semua jawapan telah dijawab dalam keadaan sempurna. Pengkaji menggunakan analisis diskriptif bagi menjawab semua persoalan kajian. Kaedah analisis data kajian ini adalah menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Science). Penggunaan SPSS membantu pengkaji untuk menguruskan data dengan lebih cepat, teratur dan sistematik.

### Analisis dan Dapatan Kajian

Sebelum kajian sebenar dijalankan, instrumen kajian ini telah diuji melalui kajian ujian rintis (pilot test) dan item telah dianalisis kesahan konstruk melalui faktor analisis -CFA. Sebelum ini, terdapat terdapat 17 item yang nilai *loading factornya* kurang daripada  $r < .500$  maka item-item ini telah disisihkan atau dibuang menunjukkan daripada aspek konstruk item Bahagian B: Amalan Pembelajaran Pelajar TMUA nilai alpha adalah  $a = .944$  ( $a \Rightarrow .600$ ), atau 94.4 peratus ( $.944 \times 100$ ) membawa maksud 94.4 peratus darjah atau tahap kebolehpercayaan sampel terhadap instrumen soal selidik. Berdasarkan tafsiran nilai cronbach alpha ( $a$ )

*correlation coefficients* seperti yang dijelaskan melalui jadual sebelum ini, nilai pekali alpha .90 hingga .95 bermaksud Mencukupi (sufficient coefficients).

**i. Permulaan Pembelajaran**

Jadual di bawah menunjukkan taburan 350 pelajar Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia daripada segi amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* daripada aspek permulaan pembelajaran. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti 91.7 peratus (321), min 4.38 pelajar Tahfiz Model Ulul Albab setuju menyatakan bahawa mereka sentiasa menepati waktu semasa guru memulakan pengajaran, manakala 88.6 peratus (310), min 4.29 pelajar Tahfiz Model Ulul Albab sentiasa bersedia setiap kali waktu guru mengajar. Purata amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* daripada aspek permulaan pembelajaran adalah 90.1 peratus (315), min 4.33 berada pada tahap tinggi.

Jadual 2.0: Amalan Pembelajaran Pelajar TMUA bagi Mata Pelajaran *Hifz al-Quran* dari Aspek Permulaan Pembelajaran

Bil	Pernyataan	1	2	3	4	5	Jum	Min	SP	
		STS	TS	TP	S	SS	(350)			
1	Saya menepati waktu semasa guru memulakan pengajaran.	0.6 (2)	7.7 (27)	44.6 (156)	47.1 (165)	91.7 (321)	4.38	.652		
2	Saya bersedia setiap kali waktu guru mengajar.	0.6 (2)	10.9 (38)	46.9 (164)	41.7 (146)	88.6 (310)	4.29	.679		
							90.1	4.33	.665	
Purata							(315)			

1 Sangat Tidak Setuju; 2 Tidak Setuju; 3 Tidak Pasti; 4 Setuju; 5 Sangat Setuju

**ii. Semasa Pembelajaran**

Jadual 3.0 di bawah menunjukkan taburan 350 pelajar Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia daripada segi amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* daripada aspek semasa

pembelajaran. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti 92.3 peratus (323), min 4.56 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa mereka diingatkan oleh guru agar menulis (buku *tahriri* hafazan) terlebih dahulu sebagai persediaan *tasmi'*, begitu juga 87.7 peratus (307), min 4.38 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa mereka memperdengarkan ayat-ayat (tasmi') bacaan hafazan baharu (jadid) di hadapan guru, seterusnya 83.4 peratus (292), min 4.19 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa memperdengarkan ayat-ayat/bacaan *hafazan muraja'ah qadim* di hadapan guru, manakala 81.4 peratus (285), min 4.14 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa melakukan *tahdhir* (mengulang ayat-ayat hafazan baharu bagi persediaan (tasmi') dan dipantau oleh guru, 78.6 peratus (275), min 4.07 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa *mentikrar* (ulangan) bacaan ayat hafazan sehingga berjaya dihafaz sambil diperhatikan oleh guru, 66.8 peratus (234), min 3.76 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa membaca ayat hafazan dan disemak oleh guru sebelum menghafaz al-Quran, dan akhir sekali peratusan yang agak rendah adalah 64.5 peratus (226), min 3.67 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa melaksanakan *talaqqi* (bersemuka atau berhadapan dengan guru) dan *musyafahah* belajar al-Quran dengan diperhatikan gerak bibir oleh guru untuk mendapatkan sebutan makhraj yang betul.

Purata amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* daripada aspek semasa pembelajaran adalah 73.9 peratus (259), min 3.93 berada pada tahap tinggi.

Jadual 2.0 : Amalan Pembelajaran Pelajar TMUA bagi Mata Pelajaran *Hifz al-Quran* dari Aspek Semasa Pembelajaran

Bil	Pernyataan	1	2	3	4	5	Jum	Min	SP
		STS	TS	TP	S	SS	(350)		
1	Saya melaksanakan <i>talaqqi</i> (bersemuka atau berhadapan dengan guru) dan <i>musyafahah</i> belajar <i>al-Quran</i> dengan diperhatikan gerak bibir oleh guru untuk mendapatkan sebutan <i>makhraj</i> yang betul.	3.7 (13)	11.1 (39)	20.6 (72)	43.4 (152)	21.1 (74)	64.5 (226)	3.67	1.04
2	Saya membaca ayat hafazan dan disemak	2.0 (7)	11.7 (41)	19.4 (68)	41.4 (145)	25.4 (89)	66.8 (234)	3.76	1.02

	oleh guru sebelum menghafaz al-Quran.								
3	Saya diingatkan oleh guru agar menulis (buku <i>tahriri</i> hafazan) terlebih dahulu sebagai persediaan <i>tasmi</i> '.	0.3 (1)	2.6 (9)	4.9 (17)	24.6 (86)	67.7 (237)	92.3 (323)	4.56	.729
4	Saya <i>mentikrar</i> (ulangan) bacaan ayat hafazan sehingga berjaya dihafaz sambil diperhatikan oleh guru.	1.4 (5)	5.7 (20)	14.3 (50)	40.9 (143)	37.7 (132)	78.6 (275)	4.07	.934
5	Saya melakukan <i>tahdhir</i> (mengulang ayat-ayat hafazan baharu bagi persediaan <i>tasmi</i> ') dan dipantau oleh guru.	0.6 (2)	4.6 (16)	13.4 (47)	43.1 (151)	38.3 (134)	81.4 (285)	4.14	.856
6	Saya memperdengarkan ayat-ayat ( <i>tasmi</i> ') bacaan hafazan baharu (jadid) di hadapan guru.	1.1 (4)	4.3 (15)	6.9 (24)	30.6 (107)	57.1 (200)	87.7 (307)	4.38	.877
7	Saya memperdengarkan ayat-ayat/ bacaan hafazan <i>muraja'ah qadim</i> di hadapan guru.	0.3 (1)	5.7 (20)	10.6 (37)	41.4 (145)	42.0 (147)	83.4 (292)	4.19	.863
Purata							73.9	3.93	.951
							(259)		

1 Sangat Tidak Setuju; 2 Tidak Setuju; 3 Tidak Pasti; 4 Setuju; 5 Sangat Setuju

### iii. Penutup Pembelajaran

Jadual 3.0 menunjukkan taburan 350 pelajar Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia dari segi amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* dari aspek penutup pembelajaran. Hasil kajian ini menunjukkan majoriti 96.3 peratus (337), min 4.63 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa sentiasa dinasihatkan oleh guru agar menjaga hafazan, begitu juga 96.3 peratus (337), min 4.64 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa diingatkan oleh guru agar sentiasa menjaga adab dalam menghafaz al-Quran, dan akhir sekali 83.2 peratus (291), min 4.20 pelajar TMUA setuju

menyatakan bahawa disarankan oleh guru agar menghafaz dengan martabat/peringkat bacaan *tadwir* (kadar bacaan sederhana laju).

Purata amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* dari aspek penutup pembelajaran adalah 89.7 peratus (314), min 4.41 berada pada tahap sangat tinggi.

Jadual 4.0: Amalan Pembelajaran Pelajar TMUA bagi Mata Pelajaran *Hifz al-Quran* dari aspek Penutup Pembelajaran

Bil	Pernyataan	1 STS	2 TS	3 TP	4 S	5 SS	Jum (350)	Min	SP
1	Saya sentiasa dinasihatkan oleh guru agar menjaga hafazan.			3.7 (13)	28.9 (101)	67.4 (236)	96.3 (337)	4.63	.553
2	Saya diingatkan oleh guru agar sentiasa menjaga adab dalam menghafaz al-Quran.			3.7 (13)	28.0 (98)	68.3 (239)	96.3 (337)	4.64	.551
3	Saya disarankan oleh guru agar menghafaz dengan martabat/peringkat bacaan <i>tadwir</i> (kadar bacaan sederhana laju).	1.4 (5)	2.3 (8)	13.1 (46)	40.9 (143)	42.3 (148)	83.2 (291)	4.20	.857
Purata							89.7 (314)	4.41	.705

1 Sangat Tidak Setuju; 2 Tidak Setuju; 3 Tidak Pasti; 4 Setuju; 5 Sangat Setuju

### Penggunaan Bahan Bantu Belajar

Jadual 5.0 menunjukkan taburan 350 pelajar Tahfiz Model Ulul Albab Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Malaysia dari segi amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* dari aspek penggunaan bahan bantu belajar dalam pembelajaran. Hasil kajian ini menunjukkan 35.8 peratus (125), min 2.86 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa belajar dengan menggunakan laptop dan LCD (Liquid Crystal Display) semasa pembelajaran dalam bilik darjah semasa guru melaksanakan PdP, manakala 35.2 peratus (123), min 2.84 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa belajar dengan menggunakan audio al-Quran semasa sesi pembelajaran, seterusnya 22.9 peratus (80), min 2.42 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa belajar dengan menggunakan aplikasi al-Quran digital dalam telefon

pintar (Smart Phone) atau *tablet* semasa pembelajaran yang diajar oleh guru di dalam bilik darjah, dan akhir sekali peratusan yang agak kecil adalah 22.8 peratus (80), min 2.48 pelajar TMUA setuju menyatakan bahawa mereka belajar dengan menggunakan CD (Compact Disc) al-Quran sebagai bahan bantu belajar semasa sesi pembelajaran. Hasil dapatan ini menunjukkan guru menggunakan pelbagai bahan bantu mengajar semasa sesi PdP dilaksanakan di dalam bilik darjah.

Purata amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* dari aspek penggunaan bahan bantu belajar dalam pembelajaran adalah 35.5 peratus (124), min 2.52 iaitu berada pada tahap rendah.

Jadual 5.0: Amalan Pembelajaran Pelajar TMUA bagi Mata Pelajaran *Hifz al-Quran* dari aspek Penggunaan Bahan Bantu Belajar.

Bil	Pernyataan	1	2	3	4	5	Jum	Min	SP
		STS	TS	TP	S	SS	(350)		
1	Saya belajar dengan menggunakan laptop dan LCD semasa pembelajaran dalam bilik darjah.	19.1 (67)	23.7 (83)	21.4 (75)	22.9 (80)	12.9 (45)	35.8 (125)	2.86	1.31
2	Saya belajar dengan menggunakan aplikasi <i>al-Quran</i> digital dalam telefon pintar (Smart Phone) atau tablet semasa pembelajaran dalam bilik darjah.	31.7 (111)	25.4 (89)	20.0 (70)	14.3 (50)	8.6 (30)	22.9 (80)	2.42	1.29
3	Saya belajar dengan menggunakan CD al-Quran sebagai bahan bantu belajar semasa sesi pembelajaran.	28.6 (100)	25.1 (88)	23.4 (82)	15.4 (54)	7.4 (26)	22.8 (80)	2.48	1.25
4	Saya belajar dengan menggunakan audio al-Quran semasa sesi pembelajaran.	21.1 (74)	19.4 (68)	24.3 (85)	24.6 (86)	10.6 (37)	35.2 (123)	2.84	1.29
Purata							35.5	2.52	1.30
							(124)		

1 Sangat Tidak Setuju; 2 Tidak Setuju; 3 Tidak Pasti; 4 Setuju; 5 Sangat Setuju



## Perbincangan

Amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* adalah berkait rapat dengan pelaksanaan amalan pengajaran guru Tahfiz pada permulaan pengajaran, semasa pengajaran, penutup pengajaran dan penggunaan bahan bantu mengajar yang digunakan oleh guru dalam pengajaran. Amalan pengajaran guru yang berkesan merupakan apa sahaja amalan pengajaran yang menggalakkan kerjasama antara pelajar, menyokong pembelajaran secara aktif dan amalan yang membantu guru meningkatkan pencapaian pelajar melalui pemantauan terhadap kemajuan proses pembelajaran mereka.<sup>24</sup>

Hasil penemuan kajian mendapati permulaan pembelajaran menunjukkan purata amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* adalah 90.1 peratus (315), min 4.33 berada pada tahap tinggi. Manakala, purata amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* dari aspek semasa pembelajaran adalah 73.9 peratus (259), min 3.93 berada pada tahap tinggi. Pada penutup pembelajaran purata menunjukkan 89.7 peratus (314), min 4.41 berada pada tahap sangat tinggi. Sementara dari aspek penggunaan bahan bantu belajar dalam pembelajaran adalah 35.5 peratus (124), min 2.52 iaitu berada pada tahap rendah. Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa amalan pembelajaran pelajar TMUA bagi mata pelajaran *Hifz al-Quran* dari segi permulaan pembelajaran, semasa pembelajaran dan penutup pembelajaran berada pada tahap yang tinggi. Dapatan ini menunjukkan pelajar TMUA di seluruh Malaysia dapat mengikuti pembelajaran dengan baik. Penemuan ini juga menggambarkan bahawa pelajar TMUA dapat mengikuti sesi pembelajaran *Hifz al-Quran* dengan pendekatan, kaedah dan strategi pengajaran guru secara tersusun dan sistematik. Walau bagaimanapun, pelajar masih kurang didedahkan dengan pembelajaran berbantuan bahan bantu belajar seperti laptop dan LCD, aplikasi al-Quran digital dalam telefon pintar (Smart Phone) atau tablet, CD al-Quran ataupun audio Al-Quran semasa sesi pembelajaran.

---

<sup>24</sup> Berenyi, K., and Deutsch, J., *Formative Assessment Practices for Enhancing Student Learning* (Budapest: Education Research Press, 2018); Raba, A. A., "The Influence of Formative Assessment on Students' Academic Achievement and Motivation," *Journal of Educational Research* 10.1 (2017), 15–25.

Berdasarkan penemuan kajian ini, ia selari dengan hasil kajian pengkaji lepas yang dijalankan oleh Mohd Khairul Naim Sameri mendapati tahap interpretasi bagi amalan pembelajaran tahfiz al-Quran berada pada tahap tinggi iaitu (min=4.49 dan sp=0.534)<sup>25</sup>. tahap amalan pembelajaran pelajar tahfiz pada tahap sederhana tinggi iaitu (min=3.74, sp.=0.43). Kajian ini selari kerana mengandungi aspek yang sama dikaji iaitu aspek kaedah pembelajaran tahfiz, iaitu elemen *tasmi'*, *takrar* berada pada tahap yang tinggi. Selain itu, kajian ini telah mengkaji secara mendalam amalan pembelajaran yang memfokuskan Kurikulum Bersepadu Tahfiz di bawah Program tahfiz Model Ulul Albab (TMUA). Manakala, kajian Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak<sup>26</sup> menunjukkan bahawa tahap amalan pembelajaran pelajar tahfiz bersama guru, rakan sebaya dan sendiri juga berada pada tahap tinggi. Hasil dapatan kajian Azihal Bangsawan, Zetty Nurzuliana Rashed dan Muhammad Hafiz Salleh menemukan bahawa tahap keseluruhan amalan pembelajaran tahfiz di Institusi Tahfiz negeri Sabah adalah berada pada tahap sangat tinggi iaitu dengan min 4.21.<sup>27</sup>

Aspek penting dalam pembelajaran *Hifz al-Quran* adalah bermula dengan kesediaan pelajar tahfiz mengikuti sesi pengajaran guru dalam bilik darjah. Abu Mazaaya menyatakan persediaan (readiness) sebelum memulakan pembelajaran merupakan strategi pertama dan sangat penting yang mesti dilakukan oleh pelajar dalam menghafaz al-Quran bagi persiapan mental dan jiwa.<sup>28</sup> Menurut Atan Long permulaan PdP memerlukan kebijaksanaan dan kemahiran guru dalam merangsang murid untuk memberi perhatian dan tumpuan kepada pengajaran dan pembelajaran.<sup>29</sup> Secara terperinci, kajian ini

---

<sup>25</sup> Mohd Khairul Naim Sameri, "Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama di Malaysia" (Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2020), 67.

<sup>26</sup> Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak, "Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta," *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* 1.1 (2018), 141-148.

<sup>27</sup> Azihal Bangsawan, Zetty Nurzuliana Rashed & Muhammad Hafiz Salleh, "Faktor-faktor Kecemerlangan Hafazan al-Quran dalam kalangan Pelajar Tahfiz di Sabah," *Jurnal Pengajian Islam* 15 (2022), 31-43.

<sup>28</sup> Abu Mazaaya, *Konsep Kesediaan Pelajar dalam Pembelajaran Islamik* (Kuala Lumpur: Penerbit Ilmu Dakwah, 2010), 33.

<sup>29</sup> Atan Long, *Pedagogi: Asas dan Amalan* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1980), 112.

mendapati pembelajaran *Hifz al-Quran* pelajar TMUA pada sesi permulaan menunjukkan pelajar TMUA sentiasa menepati waktu semasa guru memulakan pengajaran dan bersedia setiap kali waktu guru mengajar.

Pembelajaran seterusnya pada fasa semasa pembelajaran *Hifz al-Quran* berlangsung, dapatan kajian menunjukkan pelajar TMUA melaksanakan *talaqqi* (bersemuka atau berhadapan dengan guru dan (musyafahah) belajar al-Quran dengan diperhatikan gerak bibir oleh guru untuk mendapatkan sebutan makhraj yang betul. *Talaqqi* dan *musyafahah* adalah kaedah yang menjadi amalan pelajar tahfiz dalam menghafaz al-Quran. Selain itu, antara amalan pelajar TMUA semasa sesi pembelajaran ialah membaca ayat hafazan dan disemak oleh guru sebelum menghafaz al-Quran. Muhammad Toriq dan Abdul Razak dalam kajiannya menyatakan antara aspek efektif yang menjadi amalan para pelajar dalam menghafaz al-Quran ialah pelajar mendengar bacaan guru sebelum menghafaz.<sup>30</sup> Menurut Abdul Hafiz et. al, pendekatan yang sesuai dalam pembelajaran ilmu al-Quran terhadap pelajar amat penting bagi mencapai matlamat pembelajaran yang lebih berkesan.<sup>31</sup>

Semasa pembelajaran *Hifz al-Quran*, teknik menghafaz yang ditekankan dalam aktiviti kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab adalah *tahriri*, *tasmi*, *tikrar*, *tahdhir* dan *murajaah*. Hasil analisis dapatan kajian dapat menjelaskan pelajar TMUA sentiasa diingatkan oleh guru agar menulis (buku *tahriri* hafazan) terlebih dahulu sebagai persediaan *tasmi*. Amalan pembelajaran TMUA dalam *Hifz al-Quran* menunjukkan persamaan dengan kaedah yang digunakan di sekolah menengah atau Maahad Hafiz Jeram (Banat) seperti kaedah *talaqqi* dan *musyafahah*, kaedah *takrir*, kaedah *imtihan tahriri* iaitu guru mendengar hafazan pelajar, pelajar mengulangi ayat yang telah dihafaz, penggunaan buku rekod hafazan disamping penyediaan mushaf *tahriri* di mana

---

<sup>30</sup> Muhammad Toriq Yaacob & Abdul Razak Mohd Zain, "Perkembangan Tahfiz al-Quran: Suatu Kajian di Darul Quran," diakses 23 Mei 2019, [www.darulquran.gov.my/xs/dl.php](http://www.darulquran.gov.my/xs/dl.php).

<sup>31</sup> Abdul Hafiz Haji Abdullah et al., "Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Qur'an yang Efektif: Satu Kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu" (Projek Penyelidikan, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 2005).

pelajar menulis semula ayat-ayat al-Quran yang telah ditasmi' serta memahami ayat.<sup>32</sup>

Selain itu, kajian juga menunjukkan amalan pelajar TMUA semasa pembelajaran *Hifz al-Quran* mendapati pelajar melakukan *tikrar* (ulangan) bacaan ayat hafazan sehingga berjaya dihafaz sambil diperhatikan oleh guru. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan persamaan dengan kajian Abd Aziz Abdullah et.al<sup>33</sup> dengan mempamerkan amalan pelajar dalam kaedah *takrir* mencatatkan interprestasi tinggi sebanyak min=4.28. Menurut Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin et al., pelajar IMTIAZ Ulul Albab menyatakan *tikrar* (ulangan) dilakukan bergantung kepada kemampuan setiap individu dalam hafazan.<sup>34</sup> Amalan *takrir* ini tidak terhad kepada kekerapan tertentu, bahkan ia boleh dilakukan mengikut kemampuan dan keperluan masing-masing. Penemuan kajian ini juga mendapati pelajar melakukan *tahdhir* (mengulang ayat-ayat hafazan baharu bagi persediaan *tasmi'*) dan dipantau oleh guru.

Di samping itu juga, amalan semasa pembelajaran *Hifz al-Quran* menunjukkan pelajar memperdengarkan ayat-ayat (*tasmi'*) bacaan hafazan baharu (jadid) serta memperdengarkan ayat-ayat/bacaan hafazan *muraja'ah qadim* di hadapan guru. Selari dengan kajian Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin et al. pelajar menyebut *tasmi'* merupakan rutin dalam kalangan pelajar al-Quran, pelajar *bertalaqqi* memperbetulkan tajwid kemudian melakukan pengulangan untuk memperkukuhkan hafazan seterusnya sesi *tasmi'* bersama guru. Selesai *tasmi'*, akan mengulang bacaan hafazan dan *muraja'ah* hafazan lama.<sup>35</sup>

Pada fasa seterusnya iaitu semasa penutup pembelajaran *Hifz al-Quran*, secara keseluruhannya hasil kajian ini mendapati pelajar TMUA sentiasa dinasihatkan oleh guru agar menjaga hafazan. Selain itu, pelajar diingatkan oleh guru agar sentiasa menjaga adab dalam menghafaz al-Quran. Bahkan, pelajar

---

<sup>32</sup> Abd. Aziz Abdullah et al., "Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran: Satu Kajian di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang," *Jurnal 'Ulwan* 6.1 (2021), 80–94.

<sup>33</sup> Abd. Aziz Abdullah et al., "Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Quran."

<sup>34</sup> Wan Ahmad Zakry, Firdaus Khairi & Azman, "Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran.

<sup>35</sup> Wan Ahmad Zakry, Firdaus Khairi & Azman, "Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran.

disarankan oleh guru agar menghafaz dengan martabat/peringkat bacaan *tadwir* (kadar bacaan sederhana laju). Dalam pembelajaran *Hifz al-Quran*, penggunaan bahan bantu belajar memainkan peranan penting membantu pelajar melakukan hafazan al-Quran dengan mudah dan lebih efektif. Di samping itu, deria murid dapat dijana sebaiknya semasa pembelajaran dengan adanya bantuan bahan PdP di dalam bilik darjah.<sup>36</sup>

Amalan pembelajaran *Hifz al-Quran* berbantuan bahan bantu belajar dalam kajian ini mendapati masih kurang digunakan. Ini terbukti daripada penemuan kajian yang mendapati hasil dapatan kajian bagi aspek penggunaan bahan bantu belajar dalam pembelajaran adalah 35.5 peratus (124), min 2.52 iaitu berada pada tahap rendah. Secara terperinci, pelajar TMUA belajar dengan menggunakan laptop dan LCD semasa pembelajaran dalam bilik darjah kurang dipraktikkan oleh guru. Belajar dengan menggunakan aplikasi al-Quran digital dalam telefon pintar (Smart Phone) atau tablet semasa pembelajaran dalam bilik darjah juga kurang digunakan dan juga belajar dengan menggunakan CD al-Quran sebagai bahan bantu belajar semasa sesi pembelajaran masih berada pada tahap rendah. Demikian juga belajar dengan menggunakan audio al-Quran semasa sesi pembelajaran masih kurang diaplikasikan. Hasil kajian ini selari dengan kajian Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin et al. mendapati penggunaan teknologi tidak menonjol dalam dapatan kajiannya dan menjangkakan kemungkinan penggunaan telefon pintar atau komputer adalah terhad ataupun masa yang diperuntukkan untuk aktiviti hafazan terlalu padat sehingga tiada ruang untuk penggunaan teknologi bagi membantu hafazan.<sup>37</sup>

Kajian penyelidikan terdahulu juga menunjukkan hasil yang sama seperti kajian Mohd Aderi Che Noh menyatakan bahan-bahan bantu mengajar seperti CD dan LCD berada pada tahap sederhana rendah. Penggunaan komputer secara umumnya berada pada tahap sederhana rendah dengan nilai min 3.13.<sup>38</sup> Menurut Nur

---

<sup>36</sup> Muhd Zulhilmi Haron et al., "Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA)," *Al-Hikmah* 12.2 (2020), 3–18.

<sup>37</sup> Wan Ahmad Zakry, Firdaus Khairi & Azman, "Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran.

<sup>38</sup> Mohd Aderi Che Noh, "Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis," *Journal of Islamic and Arabic Education* 3, no. 1 (2011): 47–58.

Syamira Abdul Wahab et. al kemudahan teknologi sepertimana *I-Phone, Tabs*, Komputer Riba dan sebagainya perlu digunakan sebagai wadah untuk membantu pembelajaran pelajar khususnya mengaplikasikan elemen TMK dalam PdP.<sup>39</sup> Secara kesimpulannya, amalan pembelajaran pelajar TMUA merangkumi pelbagai aktiviti pembelajaran khususnya dalam *Hifz al-Quran*. Pelajar dapat mengikuti pembelajaran dengan teknik dan kaedah hafazan al-Quran mengikut panduan dan bimbingan guru di dalam bilik darjah. Dapatan kajian ini mendapati tiga aspek amalan pembelajaran iaitu dari segi permulaan, semasa dan penutup pembelajaran menunjukkan amalan ini menjadi rutin dalam proses pembelajaran *Hifz al-Quran* pelajar, namun aspek penggunaan bahan bantu belajar tidak menunjukkan amalan dalam pembelajaran pelajar TMUA kerana didapati masih kurang diaplikasikan dalam kelas. Justeru, hasil dapatan kajian ini dapat menjadi titik tolak kepada pemacu perubahan pada masa akan datang.

### **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, kajian ini memperlihatkan amalan pembelajaran pelajar meliputi aktiviti pembelajaran yang sistematik dengan pelbagai kaedah, teknik dan pendekatan dalam subjek *Hifz al-Quran*. Bermula dengan permulaan pembelajaran seterusnya semasa dan penutup pembelajaran serta penggunaan bahan bantu belajar di dalam bilik darjah memperlihatkan pelajar melibatkan diri dalam sesi pembelajaran yang dijalankan.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa aktiviti pembelajaran yang menunjukkan masih terdapat pelajar yang sangat tidak bersetuju, tidak bersetuju dan tidak pasti pada beberapa pernyataan semasa pembelajaran dan pada penggunaan bahan bantu belajar. Hal ini perlu kepada pengkajian yang lebih mendalam lagi dengan mengetengahkan pandangan dan persepsi daripada sudut pandang guru tahfiz yang menjalankan sesi pengajaran dan pembelajaran *Hifz al-Quran*. Diharapkan kajian

---

<sup>39</sup> Nur Syamira Abdul Wahab et al., "Kefahaman al-Quran dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia," *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization* (ACER-J) 1.1 (2017), 41–53.

dan penulisan ini dapat menyumbang idea kepada pelbagai pihak khususnya pembangunan institusi tahfiz di Malaysia.

### **Penghargaan**

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (APIUM) dan Insentif Persidangan Pasca-siswazah (IPP) Akademi Pengajian Islam serta kepada pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam kajian ini.

### **Rujukan**

- Abdul Hafiz Haji Abdullah, Hussin Salamon, Azmi Shah Suratman, Sulaiman Shakib Mohd Noor, Kamarul Azmi Jasmi & Abdul Basit Samat @ Darawi. "Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan al-Qur'an yang Efektif: Satu kajian di Kuala Lumpur dan Terengganu." Projek Penyelidikan, Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 2005.
- Abdul Hafiz Abdullah & Nur Safazilah Maksom. "Sistem Pengajaran dan Pembelajaran Madrasah Tahfiz al-Quran Darul Ta'alim Kg. Tengah Kluang." Simposium Pendidikan Tahfiz Peringkat Antarabangsa, Darul Quran JAKIM, Bangi, 2016.
- Abd. Aziz Abdullah, Abd. Aziz Che Ibrahim, Suhaimi Abu Hasan & Mahmood Sabtu. "Sistem Pembelajaran dan Kaedah Hafazan Al-Quran: Satu Kajian di Sekolah Menengah/Maahad Hafiz Jeram (Banat) dan Maahad Tahfiz Sulaimaniyyah Kajang." *Jurnal 'Ulwan* 6.1 (2021): 80-94.
- Abu Mazaaya. *Kaedah Mudah dan Cepat Menghafaz al-Quran*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publisher, 2010.
- Asmawati Suhit & Abdul Rahman Md. Arof. "Kepentingan Persepsi Guru dalam Kurikulum Adab dan Akhlak Islam (AAI)." *Jurnal Pendidikan* (2007): 211-233.
- Atan Long. *Pedagogi: Kaedah Am Mengajar*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd, 1980.
- Azmil Hashim. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Al-Quran di Darul Quran JAKIM dan Ma'ahad Tahfiz al-*

- Quran Negeri*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2010.
- Azmil Hashim & Ab. Halim Tamuri. "Persepsi Pelajar Terhadap Kaedah Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Malaysia." *Journal of Islamic and Arabic Education* 4.2 (2012): 1-10.
- Azihal Bangsawan, Zetty Nurzuliana Rashed & Muhammad Hafiz Salleh. "Faktor-faktor Kecemerlangan Hafazan al-Quran dalam kalangan Pelajar Tahfiz di Sabah." *Jurnal Pengajian Islam* 15 (2022): 31-43.
- László Berényi & Nikolett Deutsch. "Effective Teaching Methods in Business Higher Education: A Student's Perspective." *International Journal of Education and Information Technologies* 12 (2018): 37-45.
- Creswell. *Research Design: Qualitative and Quantitative Approaches*. London: Sage, 2005.
- Farah Ilyani Zakaria, Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abd Razak. "Amalan Pembelajaran Pelajar Tahfiz di Institusi Tahfiz Swasta." *Jurnal Pendidikan Malaysia SI* 1.1 (2018): 141-148.
- Darusalam, Ghazali, dan Sufean Hussin. *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan : Amalan dan Analisis Kajian*. Edisi ke-3. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2021.
- Habib Mat Som. "Profil Tumpuan Guru Sekolah Menengah Di Negeri Selangor Terhadap Pelaksanaan Perubahan Kurikulum." *Jurnal Pendidikan* 27.1 (2007): 165-178.
- Abdul Hayi Imam. "Pemikiran pengajaran dan pendidikan anak menurut al-Qabisi." *Misykah: Jurnal Pendidikan dan Studi Islam* 6.1 (2021): 1-12.
- Jemaah Nazir & Jaminan Kualiti. *JNJK Dapatan Pemeriksaan Penarafan Pelaksanaan TMUA*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017.
- Robert V. Krejcie & Daryle W. Morgan. "Determining Sample Size for Research Activities." *Educational and Psychological Measurement* 30 (1970): 607-610.
- Mohd Khairul Naim Sameri. "Amalan Pembelajaran Tahfiz al-Quran di Sekolah-sekolah Menengah Agama Negeri Perak



- (SMAN).” *The Sultan Alauddin Sulaiman Shah Journal* 7.2 (2020): 235-243.
- Mohd Aderi Che Noh. “Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis.” *Journal of Islamic and Arabic Education* 3.1 (2011): 47-58.
- Mohd Jamalil Ismail, Sabri Mohamad, Tengku Intan Zarina Tengku Puji & Nor Hafizi Yusof. “Strategi Kecemerlangan Institusi Pendidikan Tahfiz al-Quran: Satu Tinjauan Literatur.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 15 (2017): 55-65.
- Mohd Majid Konting. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Abd Hadi Borham, Ahmad Yussuf & Muhammad Akramin Kamarul Zaman. “Amalan Pengajaran Pensyarah Tahfiz al-Quran di Malaysia.” *Journal of Islamic Educational Research* 1 (2016): 11–20.
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, Wan Muhammad Hafizuddin Wan Abd Halim, Abd Hadi Borham, Ashraf Ismail & Tengku Nur Tasnim Tengku Riduan. “Perancangan Pengajaran dan Pembelajaran dan Penguasaan Hafazan Al-Quran Pelajar Sekolah Menengah Tahfiz.” *QIRAAT: Jurnal Al-Quran dan Isu-isu Kontemporari* 4.1 (2021): 1-14.
- Muhd Zulhilmi Haron, Mohamad Khairi Haji Othman & Mohd Isha Awang. “Keperluan Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) Sekolah Menengah Kementerian Pendidikan Malaysia.” *Practitioner Research* 1 (2019): 289-316.
- \_\_\_\_\_, Mohd Muslim Md Zalli, Siti Noor Aneeis Hashim, Ahmad Rusli Abdul Gani & Ismail Salleh. “Tahap Penggunaan Bahan Bantu Mengajar Berteknologi dalam Pengajaran dan Pemudahcaraan Murid Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA).” *Al-Hikmah* 12. 2 (2020): 3-18.
- Muhammad Toriq Yaacob & Abdul Razak Mohd Zain. “Perkembangan Tahfiz al-Quran: Suatu Kajian di Darul Quran.” Diakses 23 Mei 2019, [www.darulquran.gov.my/xs/dl./php](http://www.darulquran.gov.my/xs/dl./php), 2017.

- Nik Md Saiful Azizi Nik Abdullah & Rabi'Atul Athirah Muhammad Isa. "Sejarah dan Kaedah Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab, Kementerian Pendidikan Malaysia: Kajian di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Kuala Lumpur." *Jurnal Darul Quran* 24 (2020): 145-169.
- Nur Syamira Abdul Wahab, Maimun Aqsha Lubis, Ramlee Mustapha, Aisyah Sjahrony & Dedek Febrian. "Kefahaman al-Quran dan Jawi Melalui Permainan Bahasa Bermultimedia." *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)* 1.1 (2017): 41-53.
- Ahmed Awad Amin Mahmoud Raba. "The Impact of Effective Teaching Strategies on Producing Fast and Good Learning Outcomes." *International Journal of Research-Granthaalayah* 5.1 (2017): 43- 58.
- Bahrin, Sabariah, Kamarulzaman Ideres, Harun Haji Sarail, Rahmah Awang Besar & Norhafizah Zakaria. "Pelaksanaan Tahfiz Model Ulul Albab (TMUA) di SMKA Kota Kinabalu, Sabah." Prosiding Kolokium Aktiviti Kesarjanaan 2020 (Jilid 1-2) (2020).
- Manuel J. Sanchez-Franco & Jose L. Roldán. "Expressive Aesthetics to Ease Perceived Community Support: Exploring Personal Innovativeness and Routinised Behaviour as Moderators in Tuenti." *Computers in Human Behavior* 26.6 (2010): 1445–1457.
- Siti Fairuz Mahmud & Ab. Halim Tamuri. "Pendekatan Gamifikasi dalam Pembelajaran Pendidikan Islam." *Tinta Artikulasi Membina Ummah* 9.1 (2023): 105-116.
- Siti Nurjanah Mastor Mustafa, Siti Aisyah Johan & Jimaa'in Safar. "Tahap Pelaksanaan Aktiviti Hafazan dalam Kalangan Guru Tahfiz Sekolah Menengah." *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.1 (2021): 9-21.
- Wan Ahmad Naquiddin. "Irsyad Fatwa Edisi Khas Ramadhan Siri Ke-218." Laman Sesawang <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-fatwa/edisi->

*ramadhan/5578-manakah yang lebih-utama-mengkhataamkan-al-quran-atau-membacanya-dengan-tartil-dan-tadabbur.*

Wan Ahmad Zakry Wan Kamaruddin, Firdaus Khairi Abdul Kadir & Azman Che Mat. “Amalan Terbaik Pengajaran dan Pembelajaran Hafazan al-Quran dalam Program Ulul Albab Imtiaz.” *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4.1 (2021), 105-126.

